



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAWAS SASARAN (E.3 EB.4)  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PENGAWAS SASARAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
E.3 EB.4 (\$660 - \$875 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Keutamaan adalah bagi calon Lelaki.
3. Mempunyai pengetahuan dalam penggunaan komputer secara asas.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
5. Mempunyai kemahiran dalam membaca peta (*Map Reading*) adalah satu kelebihan.
6. Mempunyai kemahiran dalam memperbaiki menggunakan *Fiber Glass* adalah satu kelebihan.
7. Mempunyai kecekapan dalam aspek penerbangan model pesawat alat kawalan jauh adalah satu kelebihan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab dan mengetahui dalam pemeliharaan dan penjagaan sasaran;
2. Memantau sasaran (*target*) semasa sasaran dalam penerbangan yang mana dijalankan di kawasan yang bersesuaian dan di bawah cahaya matahari dalam mengikut tempoh masa latihan dijalankan;
3. Penyelarasan dalam pengawalan keselamatan kelengkapan sasaran;
4. Tanggungjawab dalam barang-barang serta penjagaan peralatan yang penting sasaran Penerbangan; dan
5. Bertanggungjawab untuk memindah peralatan / barang-barang sasaran yang mana memerlukan ketahanan dan kekuatan fizikal.